



## LIBAT URUS MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN BERSAMA PEGAWAI PENGEMBANGAN DAN KUMPULAN SASAR KPKM INC. TERENGGANU

**28 JULAI, PULAU DUYONG** – Negeri Terengganu telah menyumbang sebanyak 33,693 tan metrik pendaratan ikan laut melalui 2,798 vesel di Zon A (2,408 vesel), B (210 vesel), C (153) dan C2 (27). Merujuk kepada data 2022 oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Terengganu mempunyai 8,635 nelayan berdaftar yang menjalankan aktiviti perikanan tangkapan di keempat-empat zon.

Sebanyak 13 pulau di negeri ini telah digazetkan sebagai Taman Laut dimana ia ditubuhkan untuk melindungi dan memulihara pelbagai habitat dan hidupan marin akuatik. Secara umumnya, Taman Laut adalah kawasan perairan laut yang dizonkan sejauh dua batu nautika dari tikas air surut terendah, kecuali Pulau Kapas yang dizonkan sejauh satu batu nautika dari tikas air surut terendah.

Jabatan Perikanan Malaysia sentiasa komited dalam memperkayakan serta memulihara sumber perikanan negara bagi memastikan keterjaminan makanan yang mencukupi terhadap permintaan pengguna. Antara langkah yang diambil jabatan ini adalah aktiviti melabuh tukun tiruan dan unjam di seluruh perairan negeri Terengganu. Sebanyak 387 tukun tiruan telah dilabuhkan dari 2013 hingga 2022.

Negeri Terengganu juga amat sinonim dengan kehadiran penyu di daerah Kemaman, Dungun, Kuala Nerus, Setiu dan Besut. Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Rantau Abang merupakan pusat pengurusan penyu Negeri Terengganu di bawah seliaan Jabatan Perikanan Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah hadir ke sesi libat urus bersama pegawai pengembangan dan kumpulan sasaran KPKM Inc di Dewan Convention Centre 1, Duyong Marina & Resort Kuala Terengganu. Lebih 500 peserta hadir dalam sesi ini.

YB Menteri turut menyampaikan bantuan kepada 15 penerima *touch point* dengan nilai keseluruhan peruntukan sebanyak RM 2,737,555. Butiran penerima bantuan *touch point* adalah seperti berikut :

- i. Tujuh (7) penerima di bawah Jabatan Perikanan Malaysia telah menerima *touch point* berupa bantuan Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan (SPeKS) yang bernilai RM538,645.00 dan Kit Keselamatan kepada Ketua Jaringan Perikanan (KJP).
- ii. Dua (2) penerima dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menerima sebanyak RM25,000.00.

- iii. Dua (2) penerima dari Insitut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menerima sebanyak RM165,710.00.
- iv. Dua (2) penerima dari Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menerima RM1,992,400.00.
- v. Dua (2) penerima dari Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) turut diberikan sebanyak RM15,800.00 bagi Peruntukan Pembangunan Projek Kelapa kepada kedua-dua penerima.

Program ini turut dihadiri oleh Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan KPKM, Dato' Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan bersama Ketua Pengarah dan Pengerusi dari jabatan dan agensi di bawah KPKM.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my); [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)